

Pemuzik DBKL maut motosikal berkuasa tinggi rempuh 4WD

TEMERLOH-Seorang penunggang motosikal berkuasa tinggi maut selepas terlanggar belakang sebuah kenderaan pacuan empat roda dalam nahas di Kilometer 98.6 Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT1) arah timur di sini, pada Jumaat.

Dalam nahas itu, mangsa berusia 34 tahun yang bekerja sebagai pemuzik di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) disahkan meninggal dunia di tempat kejadian.

Berdasarkan video tular, motosikal ditunggang mangsa terpelanting sebelum tercampak ke

atas ruang muatan kenderaan yang dirempuh.

Ketua Polis Daerah Temerloh, Asisten Komisioner Mazlan Hassan berkata, pihaknya menerima maklumat berhubung kejadian itu kira-kira jam 4.45 petang.

Menurutnya, siasatan awal mendapati kemalangan berlaku ekoran tindakan seorang wanita yang memandu kenderaan Mitsubishi Pajero Sport berhenti di bahu jalan sebelum bertindak melintas dari kiri ke kanan lebuhraya.

Menurutnya, tindakan wanita berusia 35 tahun itu menyebabkan

pemandu kenderaan pacuan empat roda jenis Mitsubishi Triton terpaksa menekan brek secara mengejut.

"Pada masa yang sama, mangsa yang menunggang motosikal jenis Suzuki GSX-R1000 dari arah belakang gagal mengelak lalu merempuh bahagian belakang kenderaan tersebut.

"Mangsa terjatuh di lorong laju manakala motosikalnya tercampak ke bahagian belakang Mitsubishi Triton yang dirempuhnya," katanya.

Rakaman kejadian itu turut tular dalam media sosial.



Mangsa meninggal dunia di tempat kejadian selepas motosikal ditunggang merempuh sebuah kenderaan pacuan empat roda yang brek mengejut di Kilometer 98.6 LPT1 arah timur dekat Temerloh pada Jumaat.